

BENAZIR BHUTTO DALAM PEMBENTUKAN PERADABAN ISLAM DI PAKISTAN

(Benazir Bhutto In The Emergence Of Pakistan Civilization)

Rohaini Amin & Ayu Nor Azilah Mohamad

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertajuk Benazir Bhutto Dalam Pembentukan Peradaban Islam Di Pakistan. Ia adalah bertujuan untuk meninjau pembangunan Peradaban Islam dalam pandangan yang lebih besar khususnya di negara Pakistan pada era moden. Pakistan selepas tahun 1947 menunjukkan perubahan ketara khususnya dalam aspek politik dan tidak dapat dinafikan bahawasanya Islam telah memainkan peranan penting terhadap tokoh-tokoh politik Pakistan. Selain pengaruh Islam, terdapat juga faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi perkembangan politik di Pakistan seperti pengaruh ketenteraan, peranan ulama, peranan keluarga berpengaruh dan peranan masyarakat pertengahan. Berdasarkan isu-isu yang diketengahkan tersebut, kajian ini akan menunjukkan feudalisme dan peranan keluarga tuan tanah seperti keluarga Bhutto adalah faktor besar di Pakistan dalam peringkat politik tempatan dan antarabangsa. Melalui nama keluarganya, Benazir muncul sebagai tokoh utama di Pakistan. Walau bagaimanapun, tradisi dan budaya tempatan turut memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Pakistan khususnya kelompok wanita yang sering diperlihatkan sebagai masyarakat 'kelas kedua' yang mana mereka ini rata-rata tidak berpeluang terbuka kepada dunia luar kecuali sebagai suri rumah dan menjalankan tugas dalam kalangan keluarga di rumah sendiri. Sekiranya mereka keluar bekerja, jawatan yang mereka sandang adalah lebih rendah dari kedudukan lelaki dan perkara ini berterusan sehinggalah kemunculan Benazir. Kemunculan Benazir telah dilihat oleh kelompok wanita sebagai 'pembela' dan kejayaan beliau telah membuktikan bahawa wanita bukanlah 'masyarakat kelas kedua'. Kajian ini akan menunjukkan bagaimana Benazir menghadapi pelbagai cabaran sehingga beliau berjaya meletakkan dirinya dikedudukan penting di Pakistan kemudiannya. Sehingga kini, hanya terdapat sebilangan kecil pengkajian ke atas Pakistan dalam Bahasa Melayu. Diharapkan kajian ini akan menjadi penggalak kepada kajian seterusnya sebagai sumbangan kecil dalam memahami peradaban Islam secara lebih lagi.

Kata kunci: Benazir Bhutto, peradaban, politik, wanita, Pakistan.

ABSTRACT

This research entitled Benazir Bhutto in the Emergence of Pakistan Civilization. It was attempt to examine the development of Islamic Civilization in the larger picture especially the state of Pakistan in the modern era. Pakistan after 1947 showed drastic change in term of political development and undoubtedly Islam played a significant role over the Pakistanis political awareness. Despite Islamic value, there were several other factors, which influenced political development among the Pakistanis such as army, Islamic scholar (ulama), feudal

family and middle class. Over these issues, this research will show that, feudal and landlord family such as Bhutto's family was a major factor in the regional politics and national politics in Pakistan. Under the banner of 'Bhutto family', Benazir's appear as one of the important national leaders of Pakistan. Furthermore, as tradition and local practise also played a major part in Muslims life in Pakistan, women's seem regards by many as 'second class' citizen where by they don't have many opportunities to go to public life except as a housewife and their only part will always as surrounding family and her own house. Even, if they manage to have a job, their position must be lower than men and this tradition was carry forward by Pakistanis until the coming of Benazir Bhutto. Benazir's regards by many women in Pakistan as 'savior' and her successful in politics showed that women not a 'second class citizen'. This research will show how Benazir's faced all the challenges until her archieved her places as one of the important person in Pakistan history. As until recently, only several researches has been done towards Pakistan in Bahasa Melayu, hope that this worked will encourages others researches to follow and hope this small contribution could help our understanding to Islamic Civilization even more.

Keywords: Benazir Bhutto, civilization, politic, women, Pakistan.

PENDAHULUAN

Pakistan merupakan sebuah negara di rantau Asia Selatan yang secara umumnya wujud sebagai sebuah negara merdeka pada bulan Ogos 1947. Sebelum tarikh tersebut, tidak wujud sebuah negara yang dinamakan Pakistan, sebaliknya wilayah yang membentuk Pakistan seperti Punjab, Baluchistan dan sebagainya itu merupakan sebahagian dari sebuah wilayah luas yang dikenali dalam perkembangan sejarah Benua Kecil India. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna, di wilayah yang disebutkan tidak wujud sebarang bentuk peradaban. Ini kerana dalam melihat Tamadun Indus iaitu antara tamadun yang terawal dalam peradaban manusia sekalipun menunjukkan sebahagian besar daripada kompleks tamadun tersebut sememangnya terletak dalam wilayah Pakistan hari ini. Walau bagaimanapun, adalah agak keterlaluan untuk meletakkan Tamadun Indus sebagai asas kepada pembentukan Pakistan. Ini kerana tamadun ini lebih sinonim dengan India dan peradaban India secara keseluruhannya. Ini bermakna, sebelum kewujudan Pakistan sebagai sebuah negara, maka segala perbincangan mengenainya haruslah dilihat dalam konteks perkaitannya dengan peradaban India.

Dalam melihat kewujudan Pakistan maka pastinya kaitan yang paling erat dan tidak dapat dilepaskan adalah hubungannya dengan Islam. Ini kerana, pada dasarnya, pembentukan Pakistan adalah berdasarkan kepada keinginan orang Islam untuk membentuk sebuah negara yang berbeza dan merdeka sebagaimana yang dikemukakan oleh Muhammad Ali Jinnah dalam 'Deklarasi Lahore' pada 1940. Apabila Pakistan diwujudkan dan mencapai kemerdekaan pada 1947, maka secara langsung ia memenuhi tuntutan orang Islam yang menginginkan sebuah negara berasingan dengan India.

Dalam konteks negara Pakistan, antara tradisi yang masih mengakar dalam masyarakat dan sangat sukar dihapuskan adalah 'kepercayaan' bahawa kaum wanita merupakan 'kelas kedua' yang lebih rendah kedudukannya dari kaum lelaki. Wanita dalam tradisi Pakistan hanyalah golongan yang harus duduk menjaga anak-anak di rumah sahaja atau jika bekerja sekalipun hanya diperlukan untuk menjawat kedudukan yang lebih rendah dari lelaki. Tradisi ini telah mengakar dalam tradisi masyarakat Islam, bukan sahaja di

Pakistan tetapi juga seluruh Asia Selatan hingga menyebabkan ia mempengaruhi perkembangan ‘peradaban Islam’ di wilayah ini yang merujuk wanita sebagai ‘tidak mempunyai sebarang peranan’ kecuali sebagai isteri. Hal ini ada benarnya kerana sepanjang sejarah perkembangan Islam zaman Mughal di India misalnya yang berlangsung selama 300 tahun, hanya tokoh-tokoh lelaki sahaja yang diketengahkan seperti Maharaja Akhbar, Aurangzeb, Shah Jahan dan sebagainya. Jika ada sekalipun tokoh wanita, hanyalah Mumtaz Mahal dan Nur Jehan (Ellison Banks Findly, 1993; Rekha Misra, 1967; Chandra Pant, 1978; Mohammad Shujauddin and Razia Shujauddin, 1967). Jika Mumtaz Mahal dikagumi sebagai wanita yang mampu menghadirkan Taj Mahal, Nur Jehan pula dikenali sebagai ‘wanita besi’ yang mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan Mughal. Wanita yang lain pula hanyalah dilihat sebagai ‘pemuas nafsu’ pemerintah dan pembesar empayar Mughal seperti yang dipaparkan oleh B.P. Saha dalam bukunya *Princesses, Begams and Concubines* (B.P. Saha, 1992).

Peradaban Islam kontemporari di wilayah Asia Selatan sama ada di India, Bangladesh, Sri Lanka dan Pakistan dilihat masih meneruskan pegangan dan ‘mengikuti’ jejak tradisi ini. Namun anehnya, ketika masyarakat dalam ‘peradaban India’ kontemporari yang begitu hampir kedudukannya dengan masyarakat Pakistan telah mampu memberikan ruang yang

OBJEKTIF KAJIAN

Kehadiran Benazir Bhutto dalam kancah perkembangan peradaban Islam kontemporari di Pakistan yang merdeka pada tahun 1947 merupakan perkembangan yang sangat menarik untuk diberikan perhatian. Sebagaimana yang disebutkan awalnya, kedudukan wanita dalam tradisi di Asia Selatan termasuklah di Pakistan secara umumnya menunjukkan bahawa mereka ‘sangat kurang dihargai’ telah menyebabkan kemunculan pemimpin-pemimpin wanita yang dipelopori oleh Indira Gandhi di India merupakan perkembangan yang sangat menjolok. Dalam tradisi yang dikuasai oleh ‘kaum lelaki’ ini, Indira Gandhi dan Benazir Bhutto telah mencapai kedudukan yang sangat jarang dicapai oleh wanita lain. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan tumpuan kepada kaum wanita dalam peradaban Islam di Pakistan dengan kajian kes kepada Benazir Bhutto.

Benazir Bhutto sebagai bahan kajian sememangnya sedikit sebanyak menimbulkan permasalahan. Ini kerana beliau dilihat oleh setengah pihak sebagai ‘tokoh yang tewas’ dalam perjuangan politik di Pakistan. Kekalahan beliau dalam pilihan raya dan kemudiannya ditakrifkan sebagai bersalah terhadap beberapa tuduhan rasuah dan penyelewengan kuasa ketika memegang kuasa di Pakistan dan seterusnya berada di luar negara bagi mengelakkan dirinya dipenjarakan merupakan masalah utama yang terpaksa dihadapi oleh penulis. Keadaan ini semakin sukar apabila dikaitkan dengan ‘peradaban Islam’. Pada fahaman penulis ‘peradaban Islam’ yang diketengahkan dalam kajian ini merujuk kepada satu tempoh masa selepas era kemerdekaan di Pakistan yakni bermula pada 1947 dan fahaman inilah yang menjadi pegangan dalam melaksanakan kajian ini. Kesemua perkembangan yang berlaku di negara tersebut sejak tarikh ini dikategorikan sebagai ‘kontemporari’. Kesukaran timbul kemudiannya untuk meletakkan ‘peradaban Islam’ ini dengan kerangka perkembangan Islam sebelumnya. Antara soalan yang muncul misalnya, jika wujud peradaban Islam kontemporari di Pakistan, pada takat manakah peradaban Islam non-kontemporari di negara tersebut? Hal ini kerana Pakistan sebelum 1947 terangkum dalam perkembangan peradaban India. Walau

bagaimanapun penulis tidak akan bermain dengan persoalan yang bersifat *'philosophical'* sebegini sebaliknya membiarkan ia dijawab oleh pengkaji-pengkaji lain.

SOROTAN KARYA

Kajian ini secara umumnya memberikan perhatian kepada perkembangan peradaban Islam kontemporari di Pakistan dan kaitannya dengan kehadiran Benazir Bhutto dalam kancah perkembangan negara tersebut. Meski apapun pandangan mengenai Benazir Bhutto, sekurang-kurangnya kehadiran beliau dalam keadaan di mana dominasi lelaki begitu besar dalam negara Pakistan seharusnya wajar diberikan pujian. Terdapat banyak kajian mengenai wanita dan Islam seperti kajian Theresa Salibi, Carolyn Allen and Judith A. Howard (eds.), *Gender, Politics and Islam* yang mengemukakan beberapa artikel penting mengenai pembabitan wanita dalam bidang politik sepanjang sejarah peradaban Islam di wilayah tertentu di Asia Selatan, Asia Tenggara dan Afrika (Theresa Salibi, Carolyn Allen and Judith A. Howard (eds), 2002). Dalam bahagian pengenalan buku ini ada menyentuh mengenai kajian-kajian mengenai wanita yang sering sahaja dipenuhi dengan perasaan *'bias'* atau memihak dan salah tanggapan bahawa wanita Islam sememangnya sangat kecil perannya dalam sebarang gerakan Islam. Buku ini mengatakan bahawa pandangan sebegini tidak benar sebaliknya menunjukkan bahawa wanita Islam turut berganding bahu dengan kaum lelaki dalam memastikan kejayaan gerakan-gerakan Islam seperti pembabitan wanita dalam *'women's mosque movement'* di Mesir iaitu gerakan yang berusaha untuk menjadikan masjid sebagai asas penting dalam kehidupan Islam.

Pengkaji lain, Iftikar H.Malik dalam bukunya *State and Civil Society in Pakistan* mengetengahkan idea mengenai 'politik dan wanita' di Pakistan. Ia dikemukakan dalam bab 7. Iftikar mengatakan bahawa wanita memainkan peranan yang kecil dalam politik dan pentadbiran di Pakistan meskipun jumlah mereka melebihi peratusan lelaki terutamanya sebelum kemunculan Benazir Bhutto. Kehadiran Benazir dilihat sebagai *".....proved a major boost for the women struggle"* (Iftikar H.Malik, 1997). Walau bagaimanapun Iftikar tidak menyelami secara mendalam mengenai perjuangan Benazir. Malahan Benazir juga dikatakan sebagai 'tokoh yang gagal' terutama dalam tempoh kedua ketika beliau memegang tampuk pemerintahan di Pakistan. Hal ini dirasakan tidak benar sepenuhnya kerana tempoh kedua dalam tampuk pemerintahan Pakistan, Benazir turut memperlihatkan perubahan dalam pelbagai aspek yang disentuh dalam kajian ini.

Sebuah buku yang menerima kritikan hebat kerana kandungannya dikatakan tidak memaparkan realiti sebenar wanita Islam turut menjadi perhatian. Buku yang dimaksudkan ialah *Prince of Honour* tulisan Jan Goodwin. Buku ini dikatakan sebagai tidak memaparkan isi sebenar Islam dan wanita Islam. Jan Goodwin misalnya secara keterlaluan mengkritik penggunaan purdah sebagai 'ketinggalan zaman' dan tidak menepati syariat Islam.

Walaupun bagaimanapun, kritikan terhadap buku tidaklah sama sekali menepis sumbangan yang telah dihasilkan terutamanya dalam menyelusuri kehidupan wanita Islam di beberapa negara termasuklah di Pakistan. Dalam bab mengenai Pakistan misalnya, Jan Goodwin dengan menggunakan kaedah temubual telah mengatakan bahawa wanita yang ditangkap kerana kesalahan-kesalahan tertentu tidak menerima layanan yang sewajarnya oleh polis atau ketika didapati bersalah, layanan di penjara begitu teruk. Ini sedikit sebanyak mendedahkan kedudukan wanita di Pakistan dan secara langsung menjelaskan betapa tradisi

yang mengakar dalam masyarakat iaitu 'wanita sebagai kelas kedua' di Pakistan sememangnya wujud dan diamalkan secara meluas.

PAKISTAN SEBAGAI NEGARA ISLAM

Islam sebagai sebuah peradaban bermula di Tanah Arab dengan kehadiran junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Madinah menjadi negara Islam pertama dalam peradaban tersebut. Peredaran zaman memperlihatkan Islam mengalami perkembangan yang sangat pesat. Ia berjaya bertapak kukuh di Benua Kecil India hingga menjadi asas kepada kemunculan kerajaan-kerajaan Islam yang penting seperti Ghaznawi, Ghoris, Tughlaq dan empayar besar seperti empayar Mughal. Sebagai sebuah peradaban yang sememangnya mengalami perkembangan berterusan, maka kemunculan ia juga mengalami transformasi tertentu. Islam juga membentuk peradaban dalam sifat lokaliti tertentu. Ia wujud dalam bentuk negara-negara Islam seperti Pakistan. Ini bermakna, kewujudan Pakistan itu tidak terlepas daripada lingkungan peradaban Islam yang lebih besar itu. Pakistan berdiri sebagai sebuah negara merdeka pada bulan Ogos 1947 dan dikenali sebagai negara Islam. Secara keseluruhannya, negara ini mempunyai keluasan 803, 940 km persegi dan terletak bersempadan dengan Afghanistan, China, India dan Iran. Perjuangan untuk kemerdekaan Pakistan mempunyai kisah sejarah yang sangat panjang, dramatik dan kadangkala mengerikan. Hal ini berlaku kerana kewujudan Pakistan dikaitkan dengan pemisahannya dengan India pada 1947 hasil daripada desakan-desakan dan perjuangan politik masyarakat Islam di Benua Kecil India tersebut.

Islam telah bertapak di Benua Kecil India sejak sekurang-kurangnya abad ke-8 Masihi. Secara perlahan-lahan ia berjaya berkembang dan membentuk kerajaan-kerajaan Islam seperti Kerajaan Ghaznawi, Kerajaan Ghoris, Kerajaan Tughlaq dan seterusnya Kerajaan Mughal. Sewaktu empayar Mughal, ia berjaya menguasai hampir sepertiga wilayah Benua Kecil India dan menjadi teras kuasa politik yang sangat berpengaruh. Sistem politik dan pemerintahan Mughal menjadi asas pembentukan sebuah empayar yang luas menganjur dari utara hingga ke selatan. Meskipun demikian, pada abad ke-18 dan ke-19, kesan dari kebangkitan kuasa-kuasa tempatan seperti orang Mahratta, Sikh, Rajput, kehadiran dan pertapakan kuasa-kuasa Barat serta persaingan dan konflik dalaman telah melemahkan kerajaan tersebut. Akhirnya dengan kebijaksanaan kuasa Barat terutamanya British yang mengambil peluang dari kelemahan yang ada, satu persatu wilayah Mughal jatuh ke tangan British. Hingga akhirnya pada 1857, penentangan tempatan yang berusaha memulihkan kembali kekuasaan Mughal gagal mencapai matlamatnya dan menandakan berakhirnya kuasa politik dan pemerintahan kerajaan tersebut. Pihak British berjaya mengambil alih dan menjadi teras kuasa di Benua Kecil India.

Walau bagaimanapun, orang Islam masih lagi mempunyai pengaruh yang sangat kuat terutama di kawasan-kawasan bandar. Mereka masih lagi menjadi penguasa ekonomi yang penting. Namun demikian, kesan dari perubahan dasar dan pemerintahan British, maka secara perlahan-lahan orang Islam kehilangan kedudukan mereka. Kehadiran sistem pendidikan British telah membantu melonjakkan satu kelas baharu dalam masyarakat Benua Kecil India iaitu golongan pertengahan berpendidikan Barat yang kebanyakannya terdiri dari orang Hindu. Kemunculan golongan ini yang mempunyai keinginan untuk mengembalikan kegemilangan Hindu secara langsung telah menimbulkan pertentangan dengan masyarakat Islam.

Pertikaian komunal antara golongan mula berlaku dan membabitkan bukan sahaja soal ekonomi. Tetapi juga soal-soal sosial dan politik. Isu-isu keagamaan sering sahaja menjadi isu perdebatan dan pergaduhan. Misalnya isu mengenai penyembelihan lembu yang telah menjadi isu hangat di India. Dalam isu ini, masyarakat Islam dilarang untuk menyembelih lembu dalam menyambut hari raya kerana ia menjadi lambang kesucian dan agama bagi penganut agama Hindu. Pertikaian begini akhirnya membawa kepada pergaduhan antara kedua belah pihak.

Masyarakat Islam yang melihat diri mereka sebagai kalangan minoriti merasakan bahawa kedudukan mereka akan terjejas di celah masyarakat majoriti Hindu. Secara perlahan-lahan muncullah gerakan pembaharuan dalam kalangan masyarakat Islam seperti yang dikemukakan oleh Sayyid Ahmad Khan. Beliau melihat bahawa jika masyarakat Islam terus asyik dengan kegemilangan sejarah Islam, maka lama-kelamaan, masyarakat Islam di India akan terus tenggelam. Beliau juga melihat bahawa orang Islam haruslah menguasai bahasa Inggeris dan teknologi Barat. Keadaan inilah yang menyebabkan Sayyid Ahmad Khan menubuhkan Kolej Aligarh dan seterusnya Universiti Aligarh. Kemunculan universiti ini telah menjadi tulang belakang penting dalam melahirkan kader-kader Islam yang memperjuangkan hak-hak Islam di India. Malahan dalam jangka panjang, mereka menjadi tulang belakang politik Islam di India.

Sejak 1930-an, kedengaran suara-suara yang semakin lantang dalam menyuarakan hak politik orang Islam. Malahan kesan dari perkembangan politik semasa, idea mengenai penubuhan sebuah negara Pakistan telah mula kedengaran. Chauduri Rahmat Ali seorang mahasiswa di Universiti Cambridge misalnya mengemukakan idea 'Pakistan'. Sementara pada 1930, dalam sebuah persidangan Liga Muslim di Allahabad, Allama Iqbal turut mengemukakan idea mengenai Negara Islam dan 'Teori Dua Bangsa'.

Teori ini menjelaskan bahawa India mempunyai dua bangsa yang berbeza iaitu Islam dan Hindu dan mereka seharusnya wujud dalam dua negara yang berbeza. Seruan-seruan inilah yang secara langsung merangsang kepada perkembangan politik Islam era 1930-an hingga 1940-an di India. Idea dua bangsa menerima semangat baru apabila Muhammad Ali Jinnah memimpin Liga Muslim dan seruan beliau sebagaimana yang dilontarkan dalam persidangan Liga Muslim di Lahore pada 1940 menjadi asas penting kepada kelahiran Pakistan. Pakistan juga lahir daripada kesan pertelingkahan komunal yang mencapai tahap yang sangat kritikal. Pertembungan antara orang Islam dan Hindu terutamanya di Bengal, Delhi, Punjab dan wilayah-wilayah lain telah menyebabkan Benua Kecil India itu menghampiri anarki. Dalam keadaan inilah British memberikan kemerdekaan kepada India dan Pakistan dalam peristiwa yang juga dikenali dengan nama Pemisahan India.

Pemisahan 1947 bukan sahaja telah mewujudkan Pakistan dan India sebagai dua negara merdeka yang berasingan tetapi telah mengorbankan puluhan ribu penduduk negara tersebut. Penghijrahan dari India ke Pakistan dan sebaliknya juga berlaku sehingga ramai daripadanya kehilangan rumah tangga dan saudara mara. Peristiwa ini dilihat sebagai antara 'pemisahan' yang paling berdarah dalam sejarah peradaban manusia.

Walau bagaimanapun, kedudukan Pakistan sebagai dua entiti yang terpisah atas nama Pakistan Timur dan Pakistan Barat tidak bertahan lama. Sebaliknya, kesan dari perbezaan fahaman dan pandangan antara pemimpin kedua-dua entiti tersebut telah membawa kepada ketegangan politik hingga menimbulkan perbalahan terbuka malah peperangan. Perbalahan inilah kemudiannya yang membawa kepada pemisahan Pakistan dan kemunculan Bangladesh

sebagai sebuah negara merdeka. Ini bermakna dalam kajian mengenai Benazir Bhutto, maka perhatian diberikan kepada negara Pakistan sebagaimana yang wujud hari ini, sementara peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum 1970-an pula merujuk kepada Pakistan dalam keadaan yang asal sebaik mencapai kemerdekaan dari British.

KEMUNCULAN BENAZIR BHUTTO

Benazir Bhutto merupakan satu nama yang pernah menjadi sanjungan masyarakat Pakistan hingga mampu mencapai kedudukan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara tersebut. Malahan pencapaian menduduki jawatan Perdana Menteri Pakistan ini merupakan satu pencapaian yang sangat tinggi dan tidak mungkin dicapai dengan begitu mudah. Ini menunjukkan betapa Benazir Bhutto mempunyai satu daya tarikan dan karisma yang tersendiri hingga mampu menarik perhatian masyarakat untuk memberikan sokongannya kepada beliau. Benazir dalam bahasa Pakistan bermakna, 'tidak ada duanya' (Dhuroruddin Mashad, 1996). Benazir dilahirkan pada 21 Jun 1953 di Larkana Sind. Beliau merupakan anak bekas Perdana Menteri Pakistan, Ali Bhutto dan Begum Nusrat. Oleh kerana beliau lahir dalam kelompok yang membabitkan diri dalam bidang politik, maka sejak kecil beliau telah didedahkan oleh bapanya kepada aspek tersebut, hingga tidak hairanlah jika beliau mempunyai keinginan untuk mengikuti jejak langkah ayahanda beliau itu kemudiannya.

Benazir Bhutto menerima pendidikan moden. Beliau bersekolah menengah di sebuah sekolah Katolik iaitu Convent of Jesus and Maray di Karachi dan membolehkan beliau mahir menggunakan bahasa Inggeris sebelum melanjutkan pendidikan di sekolah berasrama di Muree School. Setelah menamatkan pendidikan di peringkat itu, beliau dengan segera dihantar melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat pada 1969. Di Amerika Syarikat beliau memasuki Kolej Radcliffe iaitu sebuah sekolah Katolik yang mempunyai kaitan dengan Universiti Harvard dan kemudiannya beliau mengikuti pengajian Ijazah Pertama dalam bidang politik, ekonomi dan falsafah. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Oxford dalam bidang undang-undang antarabangsa. Kehidupan beliau boleh dikategorikan sebagai aktif dan membabitkan diri dalam aktiviti sosial termasuklah mengikuti demonstrasi anti-perang Vietnam dan menghadiri parti-parti sosial. Sejak di peringkat kolej lagi, Benazir telah dikenali sebagai seorang orator yang ulung malah sewaktu melanjutkan pendidikan di Universiti Oxford, beliau telah dipilih sebagai pemimpin Oxford Union iaitu sebuah kelompok diskusi di Oxford.

Pengalaman ini kemudiannya digunakan oleh beliau sewaktu berkecimpung dalam bidang politik. Kejayaan Benazir dalam bidang pendidikan ini merupakan dorongan dari ayahnya, Zulfikar Ali Bhutto yang memegang prinsip bahawa pendidikan merupakan kunci kepada kejayaan seseorang. Benazir mengatakan dalam autobiografinya, "*like his father before him, my father wanted to make examples out of us, the next generations of educated and progressive Pakistanis*" (Benazir Bhutto, 1988).

Benazir lahir dalam tradisi sunni dari kelas tuan tanah yang kaya di Sind. Sejak beberapa keturunan, keluarga Bhutto menguasai politik Sind dan selanjutnya menjadi asas kekuatan keluarga ini di peringkat nasional. Pengaruh tradisi feodal dan tuan tanah yang masih mengikat masyarakat Sind dijadikan sebagai antara alat penting oleh keluarga Bhutto untuk naik dalam bidang politik. Setelah Zulfikar, anaknya Benazir mengikut jejak tersebut. Kejayaan Benazir dalam bidang politik adalah kerana sokongan bukan sahaja kelas tuan tanah di Sind tetapi juga kelas bawahan yang sememangnya terikat dengan tradisi tersebut.

Kejayaan Benazir dilihat sebagai kejayaan mereka dan membolehkan mereka memperoleh kehidupan yang lebih baik. Fahaman sunni yang diterima oleh Benazir turut disulami dengan fahaman shia dari sebelah ibunya, Begum Nusrat Bhutto seorang shia yang keluarganya secara tradisi berasal dari Iran. Malah ketika remaja, Nusrat pernah berusaha untuk mendidik Benazir dengan ajaran Islam yang 'ketat' termasuklah memakai burkah sebagaimana wanita-wanita Pakistan yang lain. Namun demikian dengan sokongan ayahnya, Benazir enggan mengikut kehendak ibunya (P.Bhola, 1989).

Walaupun terdedah dengan budaya Barat, namun Benazir masih lagi mengikut adat Pakistan termasuklah dalam soal perkahwinan yang ditentukan oleh pihak keluarga. Benazir Bhutto telah berkahwin dengan Asif Ali Zardari ketika berusia 34 tahun, perkahwinan yang dilihat sebagai perkahwinan untuk kepentingan politik. Ini kerana keluarga Asif Ali Zardari merupakan antara keluarga yang berpengaruh dalam politik di Pakistan. Asif Ali Zardari merupakan anak kepada Presiden Awami National Party Sind, Hakim Ali Zardari. Malahan perkahwinan ini juga dilihat sebagai '*arranged marriage*' dan tanpa perasaan cinta terhadap suaminya.

Dalam satu wawancara mengenai perkahwinan tersebut, beliau mengatakan, "*love came later*". Beliau selanjutnya menegaskan "*I argued with myself [that] remaining single would work against me politically both inside and outside Pakistan*" (Newsweek, Januari 20, 1997).

BENAZIR BHUTTO DALAM POLITIK PAKISTAN

Pembabitan Benazir Bhutto dalam politik Pakistan sangat berkait rapat dengan peristiwa pembunuhan ayahnya Ali Bhutto. Zulfikar Ali Bhutto merupakan Perdana Menteri Pakistan yang dikatakan membawa demokrasi dan kerajaan rakyat di negara itu. Beliau menerima sokongan kuat dari kalangan rakyat kelas bawahan, petani dan kalangan pekerja. Slogan-slogan yang digunakan menjurus kepada kehidupan rakyat seperti 'roti-kapra-makan – makanan, pakaian dan rumah' telah membantu kemenangan beliau dalam politik (Asiaweek, July 13, 1994). Walau bagaimanapun, Ali Bhutto dikatakan telah terbabit dalam pembunuhan politik dan dihukum gantung pada 4 April 1979. Peristiwa ini menjadi 'turning point' yang penting kepada Benazir untuk aktif dalam politik bagi merealisasikan impian Ali Bhutto yang belum dicapai iaitu menjatuhkan Zia ul-Haq yang dikatakan telah menyebabkan demokrasi di Pakistan berada dalam kedudukan yang paling bawah (Che Tom bte Ahmad, 2001). Kematian Ali Bhutto dilihat sebagai satu bentuk transisi dalam karier politik Benazir. Beliau yang pada asalnya enggan membabitkan diri dalam urusan politik pemerintahan akhirnya menjadikan politik sebagai karier utama.

Di lihat dari sudut yang lain, pembabitan Benazir Bhutto dalam politik merupakan kesinambungan warisan keluarga Bhutto sejak awal lagi. Ini kerana selain ayahnya, terdapat juga ahli-ahli keluarga Bhutto yang sememangnya dikenali sebagai tokoh pemimpin. Datuknya, Sir Shah Nawaz Khan Bhutto merupakan perdana menteri negeri Junagadh yang telah diberikan penghormatan oleh pihak British dengan gelaran '*Sir*' kerana jasa-jasanya dalam perkhidmatan kerajaan terutamanya di wilayah Bombay sebelum pemisahan India. Bapa saudara Benazir iaitu Sikandar Bhutto dan Imdad Ali juga merupakan tokoh-tokoh masyarakat yang disegani (Benazir Bhutto, 1988). Malahan sebuah artikel dalam Newsweek misalnya secara jelas menyatakan bahawa kejayaan Benazir dalam politik di Pakistan kerana dibelakang namanya terdapat nama Bhutto. "*above all, Bhutto remains a force in Pakistani*

politics because no rival, other than the army, can match the power of a family name that inspires peasants to address her as royalty" (Newsweek, Januari 20, 1997).

Pengaruh ayahnya dalam karier politik Benazir sememangnya cukup besar. Dalam menentukan nasib Bangladesh pada konflik 1971, ketika persidangan dengan Majlis Keselamatan, Benazir diletakkan oleh Zulfikar betul-betul di belakang beliau bagi membolehkan Benazir melihat segala proses membuat keputusan dilakukan sementara pada tahun 1972, dalam Perjanjian Simla antara Pakistan dan India, Benazir juga berada bersama-sama ayahnya. Ketika Pakistan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Negara-negara Islam pada tahun 1971, Benazir telah diberi ruang yang besar untuk memperolehi *'first hand experience'* dalam pengendalian persidangan tersebut (P.Bhola, 1989).

Kematian Ali Bhutto dilihat sebagai kegagalan demokrasi hingga Benazir yang terdidik dalam budaya dan sistem Barat dilihat menjadikan hal itu sebagai alasan paling kuat untuk membabitkan dirinya dalam politik. Benazir tidak lagi menoleh ke belakang, sebaliknya terus berjuang hingga kemudiannya, perjuangan beliau menyebabkan beliau di penjara beberapa kali. Pada tahun 1978, kesan dari hinaannya terhadap regim pemerintahan yang disifatkan sebagai diktator, Benazir ditangkap dan dipenjarakan. Namun begitu, beliau dilepaskan tidak lama kemudian. Pada tahun 1981, beliau sekali lagi dipenjarakan di Penjara Sukkur. Sewaktu inilah beliau jatuh sakit beberapa kali sehingga beliau dibebaskan pada 1984 sebelum dibenarkan untuk meninggalkan Pakistan.

Pengasingan ke England buat sementara waktu ini dijadikan sebagai persiapan penting bagi mendalami suasana politik di Pakistan dan menyusun strategi bagi menentang regim pemerintahan yang disifatkan sebagai kejam di bawah pentadbiran Zia ul-Haq. Malahan kehadiran Benazir ke London juga disifatkan sebagai pemilihan yang tepat. Ini kerana terdapat jumlah rakyat Pakistan yang besar bermastautin di kota tersebut yang dikatakan melarikan diri dari Pakistan untuk mencari kehidupan ekonomi yang lebih selesa serta kebebasan berpolitik (Dhuroruddin Mashad, 1996). London dijadikan sebagai 'markas operasi' Benazir dan beliau mempunyai penyokong yang besar di kota ini. Selain dari 'pelarian politik', perjuangan Benazir juga turut disokong oleh adik-adiknya iaitu Shanawaz dan Murtaza yang berada di London bagi menggerakkan 'pembebasan politik' Pakistan. Walau bagaimanapun, Benazir menerima pukulan yang hebat dalam perjuangannya apabila adiknya Shanawaz terbunuh di Paris pada 1985.

Melihat sokongan besar yang diterimanya dari warga Pakistan yang merasakan bahawa negara mereka menuju ke arah kediktatoran ini, maka keyakinan Benazir menjadi cukup kuat untuk menjayakan maksudnya bagi menyusun satu perjuangan politik menentang regim Zia ul-Haq. Malahan ruang yang ada ini membolehkan Benazir untuk melakukan lobi dan sokongan dari negara-negara Barat terutamanya Britain dan Amerika Syarikat. Kematian Shanawaz juga menyebabkan Benazir melihat bahawa perjuangan politiknya untuk menumpaskan regim Zia ul-Haq tidak akan berjaya sekiranya dilakukan secara kekerasan seperti tindakan yang dilakukan oleh adiknya itu. Ini bermakna, Benazir lebih melihat kaedah demokrasi sebagai satu-satunya jalan untuk mengambil alih kekuasaan politik di Pakistan. Benazir melihat bahawa 'kekerasan akan melahirkan kekerasan'. Perubahan iklim menuju demokrasi yang diharapkan secara tetap, harus melalui jalan damai dan mematuhi peraturan politik melalui pilihan raya yang didukung oleh rakyat (Dhuroruddin Mashad, 1996).

Kehadiran Benazir dalam kancah politik kaum lelaki di Pakistan sebenarnya turut dipengaruhi oleh kemunculan Cory Aquino di Filipina yang berjaya menumbangkan regim

Ferdinand Marcos (Claude Albert Buss, 1987). Malah persamaan antara keduanya sering sahaja dikemukakan hingga menyebabkan sokongan terhadap Benazir juga semakin meningkat. Ferdinand Marcos digambarkan sebagai diktator dan pemerintah yang kejam sebagaimana gambaran yang diberikan oleh Benazir kepada regim pemerintahan Zia. Selepas sebulan kembali ke tanah air, beliau telah dilantik sebagai wakil ketua Pakistan People's Party (PPP) dan merupakan pembangkang yang paling terkemuka.

BENAZIR DAN DEMOKRASI

Kemunculan Benazir sering dikaitkan sebagai pemulihan demokrasi di Pakistan. Hal ini merupakan satu kejayaan peribadi kepada Benazir mengenangkan politik Pakistan ini yang lebih disifatkan sebagai 'authoritarian'. Walau bagaimanapun, wujud desakan agar kekerasan tidak dilakukan sewaktu mengadakan demonstrasi, namun gagal untuk menghalang rakyat Pakistan dari bertindak jauh dari landasan undang-undang. Kekerasan telah mula dilakukan terutamanya selepas 12 Ogos 1986. Pada tarikh ini, pihak berkuasa telah menangkap ratusan aktivis politik yang bergerak di bawah bendera 'Movement for Restore of Democracy' (MRD). Malahan Benazir sendiri telah ditangkap kerana dikatakan melanggar larangan berkumpul. Beliau telah ditahan selama 30 hari sebelum diubah kemudiannya menjadi tahanan rumah. Hal ini semakin menaikkan emosi rakyat Pakistan hingga akhirnya berlaku konfrontasi terbuka antara kalangan aktivis dengan pasukan keselamatan terutamanya di Sind dan Karachi.

Walaupun bagaimanapun, usaha Benazir untuk melihat pilihan raya lebih awal dijalankan tidak berlaku. Ini kerana pihak pemerintah telah berupaya untuk membendung kebangkitan dan demonstrasi yang terjadi hingga akhirnya penentangan terhadap pemerintah menjadi semakin kecil. Benazir tidak putus asa dan sewaktu memperingati 8 tahun kematian Ali Bhutto pada bulan Ogos 1987, beliau sekali lagi cuba menggerakkan masa mendesak kerajaan agar pilihan raya diadakan. Kali ini pihak pemerintah melakukan tindakan yang lebih keras dan menyebabkan Benazir tidak mempunyai pilihan lain, sekali lagi terpaksa melarikan diri ke London. Beliau hanya kembali ke Pakistan pada bulan Disember 1987 untuk berkahwin dengan Asif Ali Zardawi.

PERGOLAKAN POLITIK

Pergolakan politik di Pakistan berterusan apabila Jeneral Zia memecat Perdana Menteri Junejo yang dikatakan gagal untuk menyelesaikan masalah-masalah di Pakistan. Rasuah, nepotisme dan kemunduran ekonomi masih berleluasa dan Zia berjanji untuk membentuk satu pemerintahan yang lebih baik dan menjalankan dasar-dasar Islam. Selain itu, Pakistan juga menghadapi konflik etnik yang sangat mengerutkan terutamanya pertentangan antara Syiah-Sunnah dan etnik Mohanjir. Beliau juga berjanji untuk mengadakan pilihan raya di mana parti-parti politik dibenarkan untuk mengambil bahagian.

Jika diteliti secara mendalam, pergolakan politik ini berlaku kesan dari hubungan antara Zia dan Junejo yang semakin dingin. Junejo dikatakan telah berusaha untuk melepaskan dirinya dari bayangan Zia sementara Zia pula masih enggan untuk memberikan kuasa yang sepatutnya kepada Junejo. Tindakan ini merupakan kesempatan yang paling baik untuk Benazir bagi menamatkan kekuasaan regim Zia dan seterusnya menguasai politik Pakistan.

Dalam usaha untuk membentuk satu barisan pembangkang yang kuat, Benazir telah berusaha untuk mengumpulkan kesemua parti-parti politik pembangkang yang bergabung di bawah MRD. Sembilan buah parti politik telah mengadakan persidangan di Islamabad bagi menghadapi pilihan raya tersebut. Malahan, Benazir secara bijak telah mengambil dan memberi ruang kepada Junejo untuk bergabung di bawah MRD menentang regim Zia. Kemampuan Benazir untuk membentuk barisan pembangkang yang kuat bagi menghadapi pilihan raya ini merupakan satu tindakan yang sangat berani dan bijak. Tindakan ini telah mempersulitkan kedudukan Zia yang sangat menyedari bahawa tentangan yang dihadapinya adalah sangat besar terutama dengan pembabitan Junejo dalam gabungan tersebut.

Walau bagaimanapun, bukan sahaja parti-parti politik pembangkang yang perlu diberikan perhatian oleh Benazir, tugas yang lebih besar adalah memberikan keyakinan kepada kaum lelaki di Pakistan untuk menyokong beliau sebagai pemimpin. Hal ini sememangnya sangat sukar namun berjaya ditempuhi dengan keyakinan.

Dalam mendapatkan sokongan pelbagai suku kaum di Pakistan seperti orang Pathan, Benazir telah melakukan lawatan dan memberikan ucapan bersemangat. Misalnya dalam pertemuan dengan Persatuan Pathan di Lahore pada 1986, beliau mengatakan, *“People think I am weak because I am a woman. Do they not know that I am a Muslim woman, and that Muslim women have a heritage to be proud of? I have the patience of Bibi Khadija, the wife of the Prophet (Peace Be Upon Him), I have the perseverance of Bibi Zainab, the sister of Imam Hussain and I have a courage of Bibi Aisha, the Prophet’s favourite wife, who rode her own camel into the battle at the heads of the Muslims...I challenge my opponents to come and meet me on the field of democratic elections”* (P.L. Bholia, 1989). Ucapan-ucapan bersemangat sebegini dilontarkan di hadapan pendengar yang 99% adalah lelaki merupakan bukti jelas keupayaan Benazir untuk menarik sokongan masyarakat Pakistan.

Walau bagaimanapun, kejayaan Benazir dalam menerajui Pakistan bukanlah hasil persaingan terbuka mutlak dengan Zia ul-Haq. Ini adalah kerana pada 17 Ogos 1988, Jeneral Zia bersama dengan 30 orang penumpang kapal terbang Hercules telah terbunuh dalam peristiwa sabotaj yang tidak terselesaikan hingga ke hari ini. Kapal terbang tersebut telah meletup sebaik sahaja beberapa minit berlepas dan mengorbankan kesemua penumpangnya. Ekoran kematian Zia, Pakistan berada dalam kekosongan kuasa untuk seketika di mana kuasa dipegang oleh Presiden Ghulam Ishaq Khan. Darurat diisytiharkan dan segala kawasan strategik dikawal ketat. Aktiviti politik seolah-olah terhenti buat seketika.

Dalam pilihan raya yang diadakan pada 16 November 1988, Benazir dan PPP berjaya memenangi 93 dari 207 kerusi yang dipertandingkan. Malahan Benazir berjaya memenangi semua kerusi yang ditandinginya iaitu di daerah Larkana, Lahore dan Karachi. Secara keseluruhannya, PPP memperolehi 34.1% undi di Punjab dalam pilihan raya wilayah, 45.23% undi di Sindh, 19.87% di North West Frontier Provinces (NWFP) dan 10.99% di Balochistan (Ian Talbot, 1998). Meskipun peratusan yang diperolehi oleh PPP agak kecil, namun ia telah mencukupi untuk membolehkan PPP mengetuai pakatan parti-parti politik bagi menubuhkan kerajaan di Pakistan. Penganalisa politik Pakistan melihat terdapat beberapa beberapa yang membawa kemenangan Benazir dan PPP dalam pilihan raya ini.

Keputusan pilihan raya menunjukkan rakyat Pakistan tidak lagi menerima dasar-dasar yang dilaksanakan atau dijanjikan oleh Zia ataupun pengganti-penggantinya. Kedua, berlakunya perpecahan dalam parti yang mendukung Zia terutama selepas kematiannya

hingga meninggalkan Nawaz Sharif yang terpaksa berhadapan dengan karisma Benazir ataupun ancaman Junejo. Ketiga, Benazir dilihat berupaya untuk menenggelamkan isu-isu yang ditimbulkan oleh Zia seperti sekularisme, sosialisme mahupun pembaratan. Keempat, Benazir berupaya untuk mengambil pengaruh ayahnya Zulfikar Ali Bhutto yang sememangnya mempunyai pengaruh yang mendalam di kalangan petani dan masyarakat luar bandar mahupun kalangan pengusaha dan tuan tanah di Lahore dan Karachi. Kelima, Benazir menerima sokongan padu kaum wanita yang melihat beliau merupakan 'tokoh' penting yang akan membebaskan diri mereka dari belenggu tradisi dan kongkongan kaum lelaki. Hal ini sangat penting memandangkan dalam sistem demokrasi dan pilihanraya, wanita juga mempunyai kuasa pengundi yang besar (Ian Talbot, 1998).

BENAZIR BHUTTO DAN CABARAN PERADABAN PAKISTAN KONTEMPORARI

Dalam menjalani kehidupan sebagai seorang ahli politik, Benazir dilihat berusaha untuk menggabungkan nilai-nilai yang diperolehinya dari dunia Barat yang sekular dengan Islam yang integral serta nilai budaya Pakistan yang masih feudal. Hal ini bukanlah sesuatu yang mudah mengenangkan sifatnya sebagai seorang wanita timur yang masih lagi terikat kepada budaya dan tradisi timur yang melihat wanita sebagai 'milik keluarga' dan 'milik suami'. Sejak menceburi bidang politik juga Benazir terpaksa berhadapan dengan pelbagai karenah dan tentangan yang kadangkala sehingga menyebabkan beliau merengkok dalam penjara, dikenakan tahanan rumah atau terpaksa melarikan diri ke luar negara bagi mengelakkan kejadian yang lebih buruk berlaku kepada dirinya dan keluarganya. Ayahnya dijatuhkan hukuman bunuh, adik-adiknya terbunuh atau dibunuh dan seluruh kehidupannya menghadapi ancaman. Hal-hal yang disebutkan ini berlaku ketika beliau berjuang untuk mendapatkan kekuasaan bagi mengalahkan regim Zia ul-Haq di Pakistan.

Setelah memenangi pilihan raya dan kemudiannya menerima mandat penuh dari Majlis Nasional, maka cabaran yang dihadapinya lebih hebat. Cabaran-cabaran ini menjadi seolah-olah satu pertentangan pemikiran antara dua aliran dalam Islam iaitu aliran yang melihat bahawa wanita juga boleh menjadi pemimpin dan aliran kedua yang melihat bahawa wanita tidak seharusnya menjadi pemimpin masyarakat Islam. Sekiranya Benazir berjaya mengatasi segala cabaran yang mendatang, maka ia akan menjadi bukti jelas bahawa wanita Islam sepertinya boleh dan mampu menjadi pemimpin di dunia Islam. Sekiranya sebaliknya, maka aliran kedua yang akan memenangi 'pertandingan' tersebut. Inilah beban besar yang terpikul di bahu Benazir.

CABARAN POLITIK DAN PENTADBIRAN

Sewaktu Benazir mengambil alih tampuk pemerintahan, suasana politik Pakistan boleh dikatakan masih tidak menentu setelah kematian Jeneral Zia. Kemenangan beliau dalam pilihan raya tidak menunjukkan dominasi mutlak kerana masih terdapat penentang-penentang yang juga mempunyai pengaruh dan sokongan yang kuat seperti Nawaz Sharif dan Junejo.

Sebagaimana seruan yang sering dilaung-laungkan sewaktu kempen pilihan raya 1988 yang akan menjadikan demokrasi sebagai asas kepada kerajaan Pakistan, maka sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri, beliau telah membebaskan tahanan-tahanan politik yang dianggap ditahan tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya. Bagi memastikan bahawa idea demokrasi

berjalan di Pakistan, maka larangan untuk berpersatuan yang dikenakan sebelumnya juga ditarik balik. Mahasiswa dan mahasiswi universiti di Pakistan dibenarkan untuk membentuk persatuan pelajar. Hal yang sama dilakukan terhadap pertubuhan-pertubuhan buruh yang sebelum ini diharamkan untuk kembali semula bergiat.

Salah satu masalah rumit yang terpaksa dihadapi oleh Benazir adalah kewujudan kerajaan pembangkang di Punjab yang diketuai oleh Nawaz Sharif. Meskipun menguasai kerajaan pusat, namun Benazir gagal untuk menguasai wilayah Punjab yang sememangnya menjadi kubu kuat Nawaz Sharif yang mana keadaan ini telah menyebabkan hubungan antara wilayah dan pusat sentiasa berada dalam keadaan tegang.

Keadaan menjadi semakin tegang apabila Nawaz Sharif berusaha untuk memisahkan Punjab dengan pemerintahan pusat termasuklah mewujudkan sistem kewangan sendiri iaitu Bank Punjab yang mempunyai modal RS 100 milion. Selain itu, kerajaan Punjab juga berhasrat untuk mewujudkan sistem televisyennya sendiri.

Dalam masa yang sama, Benazir juga terpaksa memberikan perhatian yang serius terhadap dasar luar Pakistan. Hubungan tegang antara Pakistan-Russia kerana isu Afghanistan telah cuba diperbaiki. Hal yang sama juga diambil terhadap negara-negara jiran yang lain termasuklah China dan India.

Usaha Benazir untuk membuat hubungan erat dengan negara-negara Islam yang lain merupakan antara langkah penting dalam dasar luar Pakistan. Benazir melihat bahawa Pakistan merupakan sebahagian daripada 'sebuah peradaban Islam' yang luas menjangkau negara-negara Teluk, Asia Tengah, Asia Tenggara dan juga seluruh umat Islam di dunia.

CABARAN SOSIAL

1) Perbalahan Etnik

Pakistan merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik dan suku. Ia sering sahaja mewarnai bukan sahaja perkembangan sosial di Pakistan tetapi juga perkembangan ekonomi mahupun politik. Ini kerana, wujud saling perkaitan yang erat antara isu etnik dengan keselamatan, perniagaan, perdagangan, pendidikan, pekerjaan dan seumpamanya. Hanya beberapa bulan menduduki jawatan perdana menteri, Benazir menghadapi perbalahan etnik yang serius membabitkan golongan Muhajir dan Pathan Punjabi. Pertelingkahan ini semakin parah apabila membabitkan Mohajir Qoumi Movement (MQM) iaitu sebuah gerakan yang bertanggungjawab melindungi kepentingan golongan Mohajir ini. Mohajir merupakan kalangan orang Islam yang berpindah dari India ke Pakistan ketika pemisahan India 1947. Walau bagaimanapun, mereka tidak diterima sepenuhnya oleh etnik Sindh dan ditanggapi sebagai orang luar (Yunas Samad, 2002). Mohajir pula membentuk identiti mereka sendiri dengan menggunakan bahasa, budaya dan kehidupan yang berbeza dengan orang Sindhi. Keadaan ini sebenarnya menyukarkan Benazir untuk menyelesaikan masalah etnik yang telah berakar sejak Pakistan mencapai kemerdekaan. Tragedi di Puca Qila merupakan tamparan hebat kepada kerajaan Benazir dan MQM mendesak kerajaan untuk mendapatkan sebuah wilayah yang berasingan untuk kalangan Mohajir yang bertumpu di Karachi dan Sind.

Pergolakan etnik sememangnya menjadi penyakit yang sukar diubati oleh Pakistan. Malahan pertempuran secara terbuka membabitkan dua etnik yang berbeza menjadi satu

perkara lumrah di Pakistan. Misalnya pada awal tahun 1995, seramai 300 orang telah terbunuh di Karachi dalam pertempuran antara kaum. Ia diburukkan lagi dengan demonstrasi jalanan yang membabitkan The Federation of Pakistan Chambers of Commerce (FPCC) yang mendesak agar 'wang perlindungan' yang dibayar kepada pihak-pihak tertentu hendaklah dihapuskan (The Economist, 1st April, 1995). Kesemua hal ini telah menjejaskan reputasi kerajaan Benazir hingga ia memerlukan satu bentuk tindakan yang tegas termasuklah mengharamkan segala bentuk demonstrasi dan memecat pemimpin-pemimpin FPCC.

Pertelingkahan bukan sahaja membabitkan etnik yang berbeza malahan membabitkan aliran yang berbeza. Hal ini sangat jelas apabila melihat kepada pertikaian antara golongan Sunni dan Syiah. Golongan Syiah merupakan 20% daripada penduduk Islam Pakistan. Walau bagaimanapun, sejak awal kemunculan Pakistan sebagai sebuah negara, kedua golongan saling bertelingkah sehingga membawa kepada perbalahan terbuka dan pembunuhan.

Keadaan menjadi semakin sukar apabila kedua kumpulan aliran ini mempunyai kalangan yang sangat ekstrim seperti Sipah-e-Sahaba Pakistan (SSP) dari aliran Sunni dan Sipah-e-Mohammad Pakistan dari aliran Syiah. Penentangan terbuka ini telah secara langsung melemahkan kedudukan Bhutto terutama di kalangan penganut Syiah (Asiaweek, Jun 9, 1993).

2) Hak dan Kedudukan Wanita

Benazir Bhutto selaku wanita Islam pertama memegang jawatan sebagai Perdana Menteri di Pakistan sangat lantang mengkritik pandangan yang memperlekehkan kedudukan wanita. Beliau sering kali menjadikan dirinya sebagai contoh bahawa golongan wanita juga boleh berjaya sebagaimana orang lelaki sekiranya berusaha dan tekun dalam menjalankan pekerjaan mereka. Malahan ketika pembabitan awal beliau dalam politik, beliau memainkan peranan penting dalam mengkritik dasar-dasar kerajaan Zia ul-Haq yang dikatakan anti-wanita.

Selaku wanita Pakistan pertama yang berjaya menduduki kerusi pemerintahan tertinggi, Benazir berjaya menerima dukungan besar dari kaum wanita Pakistan. Beliau dilihat sebagai tokoh politik yang mampu mengubah kedudukan dan nasib wanita Pakistan yang merasakan diri mereka tidak dilayan secara sepatutnya oleh pemerintah-pemerintah sebelum ini. Ketika di bawah pemerintahan beliau, wanita Pakistan mencapai kedudukan yang lebih baik dalam menjawat jawatan dalam kerajaan. Malahan daripada 43 kabinet Pakistan, seramai 5 kabinet termasuk Perdana Menteri dipegang oleh wanita iaitu Begum Shahnaz Wazir Ali memegang Kementerian Pendidikan, Begum Rehana Sarwar sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Dr. Mahmooda Shah sebagai Menteri Pendidikan Khas dan Kebajikan Sosial dan Begum Khakwani sebagai Menteri di Kementerian Penduduk. Keadaan ini telah menyebabkan beliau menerima sokongan yang besar dari kaum wanita Pakistan secara keseluruhannya.

CABARAN PASUKAN MILITER DAN DASAR LUAR

Memang telah dimaklumi bahawa pasukan militer merupakan tunjang kuasa yang penting di Pakistan. Dalam keadaan geo-politik Pakistan yang dikelilingi oleh 'musuh-musuh' maka pasukan militer merupakan tulang belakang kekuatan Pakistan.

Walaupun bagaimanapun, apabila Benazir memegang tunjang kuasa, beliau telah cuba menenggelamkan peranan aktif militer dalam politik. Usaha ini berhasil buat seketika, namun

ia tidak bertahan lama. Dalam menghadapi penentang-penentangannya, Benazir telah dilihat mengambil langkah-langkah yang tidak disenangi oleh pasukan militer. Antaranya adalah hubungan Benazir yang terlalu akrab dengan Washington. Meskipun hubungan ini telah sedikit sebanyak memantapkan pasukan ketenteraan Pakistan dengan perolehan pesawat pejuang F-16 namun ia masih merupakan tindakan yang tidak disenangi oleh kalangan tentera.

Malahan Benazir juga tidak sedikit mengalami masalah dalam mengekalkan hubungan baik Pakistan dengan Amerika Syarikat. Meskipun sering kali dirujuk sebagai rakan kepada Amerika, namun hubungan kedua negara seringkali tegang kesan dari langkah yang diambil oleh kedua-dua negara. Ketegangan ini berakar daripada politik Pakistan yang tidak menentu. Malahan, pada 1993, Amerika pernah menyuarakan keinginannya untuk meletakkan Pakistan dalam kategori '*terrorist state*' sekiranya kerjasama ketenteraan dan pertahanan yang lebih erat tidak diberikan oleh Pakistan. Pada tahun 1990 pula, Amerika telah menyekat segala bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Pakistan (The Economist, 1st April, 1995). Sekatan Amerika ini dilakukan melalui '*Pressler Amendment*' dengan tujuan untuk mendapatkan kerjasama Pakistan bagi memeriksa senjata nuklear negara tersebut, sesuatu yang sangat tidak disenangi oleh Pakistan. Keadaan ini sebenarnya sukar dikawal oleh Benazir kerana pengaruh tentera yang besar dalam kerajaannya.

CABARAN EKONOMI

Menjelang persaingan politik antara Benazir dan Nawaz Sharif pada 1990-an, ekonomi Pakistan mengalami kemerosotan yang ketara. Nawaz Sharif yang menerima sokongan kuat dari Kesatuan Sekerja telah berusaha memberi label buruk kepada ekonomi Pakistan di bawah pemerintahan Benazir. Hal ini dilakukan dengan melakukan demonstrasi jalanan. Pada pertengahan pertama 1994, inflasi di Pakistan dikatakan melonjak ke paras yang sangat tinggi sekitar 20% meskipun kerajaan melaporkan ia hanyalah pada paras 11.7% sahaja. Harga barang makanan dan keperluan asas melambung tinggi hingga menyukarkan kehidupan rakyat terutamanya di bandar-bandar besar seperti Karachi. Keadaan ini diburukkan lagi dengan banjir besar yang melanda wilayah Sindh hingga menyebabkan tanaman kapas yang menjadi eksport utama Pakistan mengalami kemerosotan (Ian Talbot, 1994). Dalam usaha mengatasi masalah ekonomi ini, Benazir dilihat bergantung kepada bantuan luar sama ada dari IMF mahupun Amerika Syarikat.

Benazir menyedari betapa pentingnya pelaburan asing ke Pakistan bagi meningkatkan ekonomi negara. Malahan Benazir sendiri berusaha melakukan lobi keluar negara untuk menarik pelaburan asing ke Pakistan. Pada bulan Mac 1995, beliau misalnya telah menghadiri Persidangan Perniagaan di Singapura. Lawatan yang sama telah dilakukan ke negara-negara lain termasuklah Jepun, Filipina, Malaysia dan Indonesia (Asiaweeks, Mac 29, 1996). Usaha-usaha ini diharapkan dapat membawa masuk pelaburan asing ke Pakistan. Usaha ini sedikit sebanyak dilihat membawa hasil yang memuaskan di Pakistan. Ekonomi Pakistan berjaya mengurangkan defisit perdagangan dari 8% kepada 4,6% antara 1993-1996 iaitu pengurangan sebanyak 40%. Ekonomi Pakistan juga berkembang antara 2% hingga 6%. Malaysia juga berminat melabur di Pakistan dan menanam pelaburan sebanyak \$100 juta dalam industri petroleum dengan pembinaan terminal petroleum di Karachi serta carigali petroleum dan gas dengan syarikat Pakistan. Pelaburan dengan Indonesia iaitu negara Islam terbesar di dunia juga dijangka meningkat ke angka \$1 bilion berbanding \$200 juta

sebelumnya diikuti dengan pelaburan berjumlah \$400 juta (Far Eastern Economic Review, April 4, 1996).

KESIMPULAN

Kemunculan Benazir Bhutto di Pakistan dan kemudiannya Sheikh Hasina Wajid Perdana Menteri wanita di Bangladesh merupakan perkembangan yang sangat menarik, bukan sahaja di negara itu sendiri tetapi juga dalam melihat bentuk peradaban Islam kontemporari yang diwakili oleh wanita negara-negara tersebut secara keseluruhannya. Kemunculan 'wanita-wanita besi' dalam negara Islam ini sedikit sebanyak membawa persepsi baru dalam konteks politik dan pemerintahan hingga menimbulkan 'perdebatan' yang tidak henti-henti di kalangan ulama. Dari sudut yang lain ia memperlihatkan perkembangan yang sangat menarik di mana kaum wanita telah dilihat mampu sebagai pemimpin dalam negara-negara yang dilihat didominasi oleh kaum lelaki.

Kelahiran Benazir Bhutto sebagai pemimpin politik Pakistan pastinya dilihat standing dengan kemunculan pemimpin wanita lain seperti Margaret Thatcher di Britain, Indira Gandhi di India, Aquino di Filipina dan sebagainya. Namun demikian, dalam konteks Pakistan, antara persoalan yang sering ditanyakan, mungkinkah muncul pemimpin wanita lain selepas Benazir, hanya masa dan ketika sahaja yang mampu menentukan jawapan terhadap persoalan ini.

Dilihat dari sudut manapun, keupayaan Benazir sebagai seorang wanita Islam yang mampu menduduki kerusi tertinggi di Pakistan sahaja merupakan satu pencapaian yang cemerlang. Meskipun demikian, kegagalan beliau untuk bertahan juga dilihat sebagai bukti bahawa wanita tidak boleh dan tidak mampu untuk memimpin lelaki. Namun demikian, dalam suasana politik seperti Pakistan, bukan sahaja Benazir, selaku seorang wanita, malah lelaki juga seperti Zia ul-Haq, Nawaz Sharif dan sebagainya juga tidak bertahan lama selaku pemimpin dan pemegang kerusi tertinggi di Pakistan itu. Ini kerana terdapat begitu banyak kekangan dan halangan sama ada dalam bentuk persaingan etnik, suku, linguistik, pihak ulama, militer dan sebagainya yang perlu diambil kira.

Ini bermakna untuk melihat kegagalan Benazir mempertahankan kedudukannya sebagai Perdana Menteri hanya dengan alasan beliau seorang wanita adalah sesuatu yang dangkal dan sengaja diada-adakan. Sepanjang pemerintahannya, Benazir telah menunjukkan kepada dunia Islam khususnya dan dunia keseluruhannya bahawa dengan tekad, azam dan kerja kuat, wanita juga akan berjaya untuk mencapai apa sahaja yang dikehendakinya. Pemikiran sebegini perlu ada kepada seluruh wanita Islam terutamanya dan wanita keseluruhannya tanpa mengira bangsa atau agama bahawa mereka sememangnya mempunyai fungsi yang besar dalam segala lapangan termasuklah lapangan politik yang sebelum ini menjadi dominasi kaum lelaki. Hal ini pastinya merupakan perkembangan yang menarik dalam dunia Islam.

Dilihat lebih dalam terutamanya dari sudut peradaban Islam, keupayaan Benazir sebagai Perdana Menteri merupakan kejayaan kepada aliran yang tidak menghalang wanita sebagai pemimpin. Ini secara langsung menunjukkan bahawa Peradaban Islam di Pakistan mungkin berbeza dengan perkembangan peradaban Islam di wilayah atau negara yang lain. Salah satu perkara penting yang harus ditonjolkan adalah usaha Benazir Bhutto dalam konteks meletakkan wanita Islam dalam hierarki yang penting di Pakistan. Keadaan ini

pastinya merupakan fenomena yang menarik dalam melihat peradaban Islam secara keseluruhannya.

Sebagaimana yang diungkap dalam pendahuluan kajian ini yang antara lain bermatlamatkan melihat Benazir Bhutto secara khusus dan wanita Islam secara umum dalam konteks perubahan dan perkembangan peradaban Islam terutamanya di Pakistan serta negara-negara yang ditanggapi sebagai negara Islam lainnya. Sememangnya Benazir Bhutto merupakan tokoh dan watak yang kontroversi, ramai yang tidak menyukainya, namun ramai juga yang memuji kecekalan serta keupayaannya mendaki tangga kejayaan. Walau dari sudut manapun beliau dilihat, nama beliau telah terpahat dalam tinta sejarah sebagai antara tokoh dan watak penting dalam sebuah negara Islam, Pakistan. Jika diberikan perhatian terhadap perjalanan peradaban Islam keseluruhannya, tidak banyak kisah-kisah seperti yang ditunjukkan oleh Benazir ditonjolkan.

Dari perbincangan di atas, jelaslah bahawa nama Benazir Bhutto tidak akan ditinggalkan apabila perbincaraan mengenai Pakistan dilakukan. Meskipun tidak sedikit yang tidak gemar kepada beliau, namun beliau telah membuktikan bahawa kaum wanita di Pakistan juga mempunyai hak dan suara yang cukup besar dan mampu menentukan hala tuju kerajaan dan negara Pakistan. Salah satu perkara yang penting yang dapat diambil dari kajian terhadap Benazir dalam konteks peradaban Islam ialah adanya persaingan yang berterusan di kalangan 'ulama' terhadap pentakrifan mengenai hak dan peranan wanita dalam politik serta pentadbiran.

SENARAI RUJUKAN

Disertasi

Che Tom bte Ahmad, *Politik Islam dan Peranan Zia ul-Haq dalam Peradaban Pakistan Kontemporari*, Disertasi, Pengajian Peradaban, Universiti Malaya, 2001.

Buku

Asifa Quraishi. (2002). *Her Honour. An Islamic Critique of the Rape Provision in Pakistan's Ordinance on Zina*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

Benazir Bhutto. (1988). *Daughter of the East. An Autobiography*. London: Hamish Hamilton.

Bhola, P.L. (1989). *Benazir Bhutto, Opportunities and Challenges*. New Delhi: Yuvraj Publication.

Dhuroruddin Mashad. (1996). *Benazir Bhutto: Profil Polisi Wanita di Dunia Islam*. Jakarta: Pustaka CIDESINDO.

Hibah Rauf Izzat. (1997). *Penglibatan Wanita Dalam Politik Mengikut Perspektif Islam (terj)*. Petaling Jaya: As-Syabab Media dan The Internatioanal Of Islamic Thought (IITM).

Malik, Iftikhar H. (1997). *State and Civil Society in Pakistan: Politics of Authority, Ideology and Ethnicity*. London: Macmillan.

Saliba, Theresa (et.al) (eds.). (2002). *Gender, Politics and Islam*. Chicago: The University of Chicago Press.

Talbot, Ian. (1998). *Pakistan. A Modern History*. London: Hurst & Company.

Yunas Samad. (2002). "In and Out of Power but not Down and Out: Mohajir Identity Politics", dlm Christophe Jaffrelot (ed.). *Pakistan, Nationalism without a Nation?* (2002). Delhi: Manohar and Zed Books Ltd.

Artikel

Saeed Shafqat. 1996. Pakistan Under Benazir Bhutto . *Asian Survey*. Vol. XXXVI. No. 7. July.

Majalah

Asiaweek. June 9.1993

Asiaweek. July 13. 1994

Asiaweek. March 29. 1996

Newsweek. January 20. 1997

The Economist. 1st April. 1995

Rohaini binti Amin & Ayu Nor Azilah binti Mohamad
Pensyarah

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

E-mel:rohaini@kuis.edu.my / ayunorazilah@kuis.edu.my